

# Kedudukan Lim sebagai Pengerusi Disiplin MCA jadi tanda tanya

UM 29 AUG 2002  
PUTRAJAYA 28 Ogos — Kedudukan Datuk Lim Ah Lek sebagai Pengerusi Jawatankuasa Disiplin MCA kini menjadi tanda tanya apabila Presiden parti, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik hari ini menggesa supaya individu yang mempunyai prestasi buruk tidak dilantik semula bagi memegang jawatan tersebut.

Liong Sik berkata, mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) parti esok perlu melantik individu yang benar-benar dapat memberi sumbangan positif untuk kemajuan MCA pada masa depan bagi memegang jawatan Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Disiplin.

“Kita akan lihat dalam tempoh tiga tahun lalu sama ada mereka melakukan kerja dengan baik atau teruk dan kemudian barulah kita buat keputusan,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan berkata demikian kepada pemberita sebelum mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementerianannya di sini.

Beliau mengulas kenyataan Ah Lek yang juga Timbalan Presiden parti semalam yang meminta CC MCA supaya mengambil kira pelan damai anjuran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengesyorkan supaya dikekalkan status quo dalam parti sebelum membuat keputusan.